

SIARAN MEDIA

MyCC KAJI KAITAN ANTARA EKONOMI DIGITAL DAN KOS SARA HIDUP

KUALA LUMPUR, 16 OGOS – Di era gelombang transformasi ekonomi digital yang kian ketara, kehidupan seharian rakyat Malaysia semakin bergantung kepada teknologi serta infrastruktur digital. Menyedari perubahan progresif menerusi inovasi teknologi dan transformasi digital, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah memulakan inisiatif kajian semula pasaran untuk mengkaji ekosistem ekonomi digital dan menyelidik kesan ekonomi digital terhadap kos sara hidup rakyat Malaysia.

Sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712), di bawah Seksyen 11, MyCC mempunyai kuasa sama ada atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri untuk mengkaji struktur sesuatu pasaran, kegiatan perusahaan dalam pasaran; tingkah laku anti persaingan pembekal dan pengguna terhadap perusahaan di dalam pasaran; atau kegiatan lain yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

Setakat ini MyCC telah melaksanakan tujuh (7) Kajian Semula Pasaran yang diterbitkan antara 2012 dan 2022. Antara yang mendapat perhatian ialah Kajian Semula Pasaran terhadap lima makanan asas, yang berjaya merungkai isu-isu kritikal yang telah membuka mata rakyat Malaysia dan memberi impak positif kepada pengguna dan pasaran secara keseluruhan.

“Kini, MyCC mengalihkan perhatian dalam mengkaji ekosistem ekonomi digital. Dalam kajian semula pasaran yang baharu ini, MyCC bertekad untuk memahami bagaimana transformasi dunia digital mempengaruhi kualiti hidup rakyat Malaysia secara keseluruhan dan memastikan bahawa perubahan ini membawa manfaat yang lebih luas kepada masyarakat,” kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA / EKONOMI**

Menurut kajian terbaru yang diterbitkan pada tahun 2023 mengenai 'Impak Ekonomi Digital terhadap Kos Sara Hidup Penduduk: Bukti dari 160 Bandar di China' menyatakan ekonomi digital mempunyai potensi meringankan beban kewangan penduduk dengan mengurangkan kos sara hidup mereka dengan ketara. Walaupun transformasi digital ini mungkin merupakan sinar harapan kepada sesetengah individu, masih ramai rakyat Malaysia bergelut dengan cabaran ekonomi. Oleh itu, peningkatan kemajuan digital perlu dipertingkatkan untuk memberi impak positif kepada rakyat yang memerlukannya.

Kajian ini akan memfokuskan kepada sistem pengendalian dan pembayaran mudah alih untuk menyepadukan sistem API pembayaran untuk kelancaran pembelian dalam aplikasi. Landskap e-dagang, terutamanya platform pasaran B2C yang besar, juga akan diteliti. Kajian sama juga akan menyemak pengiklanan digital dalam talian, menilai pelbagai kaedah seperti pemasaran enjin carian, iklan media sosial, pengiklanan paparan dan promosi video. Kebimbangan terhadap kerahsiaan dan perlindungan data juga akan disentuh dengan tumpuan pada isu seperti kos penukaran, penyalahgunaan data dan kawalan data merentas sektor yang berbeza.

Untuk memastikan kejayaan kajian semula pasaran ini, MyCC telah mula menganjurkan satu siri sesi Perbincangan Fokus Berkumpulan (FGD) untuk mengumpul pandangan dan perspektif pemegang-pemegang taruh bagi memastikan kajian pasaran ini bersifat menyeluruh dan inklusif. Topik-topik dan ketetapan untuk sesi FGD adalah seperti berikut:

Topik	Tarikh / Masa	Lokasi	Kumpulan
Semua topik	15 Ogos 2024	Putrajaya	Kementerian dan agensi Kerajaan
Agensi Pelancongan Dalam Talian (OTAs)	20 Ogos 2024	Kuala Lumpur	Pihak berkepentingan yang berkaitan termasuk pemain industri, pakar, ahli akademik, pengguna dan pelajar
E-dagang (Marketplace)	21 Ogos 2024	Kuala Lumpur	
Perkhidmatan pengiklanan digital atas talian	27 Ogos 2024	Kuala Lumpur	

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA / EKONOMI**

Sistem pengendalian dan pembayaran mudah alih	29 Ogos 2024	Kuala Lumpur	
---	--------------	--------------	--

Selain itu, isu-isu mengenai kerahsiaan dan perlindungan data juga akan dibincangkan dalam semua sesi FGD.

Mengambil kira akan kepentingan kajian ini, pihak-pihak yang berminat untuk turut serta dalam mana-mana FGD digalakkan untuk segera mendaftar. FGD bagi kajian semula pasaran ekonomi digital ini adalah percuma. Untuk maklumat lanjut atau mendaftar, sila layari laman web MyCC di www.mycc.gov.my atau hubungi urusetia di digitalmr@mycc.gov.my.

-tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA / EKONOMI

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Polisi dan Komunikasi

Telefon Bimbit: +6019 269 6037

Emel: pcd@mycc.gov.my

Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011 melalui Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712), yang dilaksanakan untuk melindungi proses persaingan yang seterusnya akan merangsang produktiviti, keusahawanan yang berterusan dan inovasi dalam kalangan perusahaan, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan

Akta 712 ini terpakai kepada semua aktiviti perdagangan yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang memberi kesan kepada persaingan dalam pasaran Malaysia. Ia menyediakan kerangka pengawalseliaan termasuk kuasa untuk menyiasat, menghakimi, dan mengenakan hukuman kepada pelaku-pelaku yang melanggar undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-13 pada 1 April 2024 dan sehingga kini, MyCC telah mengambil tindakan tegas terhadap hampir 100 syarikat berkaitan dengan kartel dan penyalahgunaan kedudukan dominan yang telah dengan jumlah keseluruhan penalti kewanganyang telah dikenakan melebihi RM570 juta. Keutamaan semasa MyCC adalah termasuk meminda Akta untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan, menumpukan usaha kepada kartel tipuan bida, kartel dalam sektor makanan dan pertanian, serta menangani cabaran yang dihadapi oleh perundangan dan dasar persaingan berikutan ekonomi digital.

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC, sila layari laman sesawang www.mycc.gov.my.